

Rakyat, UMNO Kelantan perlihat perubahan besar

Oleh HERMAN HAMID

BACHOK 21 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengakhiri lawatan kerjanya selama dua hari ke Kelantan hari ini menyatakan rasa gembira dengan mesej yang ditunjukkan oleh rakyat dan pihak UMNO.

Menurut Perdana Menteri, ada perubahan besar yang mula kelihatan apabila rakyat menyambut baik usaha membangunkan mereka dan negeri manakala, UMNO memperlihatkan muafakat yang jelas dan semakin meyakinkan rakyat untuk menerajui mereka.

"Saya gembira dengan lawatan kali ini kerana saya melihat ada perubahan yang besar sedang berlaku di Kelantan daripada pihak UMNO dan rakyat," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Jamuan Rakyat dan Penyerahan Bantuan Peralihan Tembakau

Lawatan Perdana Menteri dipenuhi jadual ketat termasuk menemui rakyat di kawasan pedalaman, masyarakat petani di jajahan pesisir pantai di samping para pemimpin politik dan pegawai kerajaan serta pemimpin masyarakat setempat di Kota Bharu di samping meninjau projek-

projek pembangunan yang dirancang.

Beliau menarik perhatian betapa setiap program yang dilaksanakan semasa lawatannya mendapat sambutan yang begitu baik yang membawa erti bahawa mereka menghargai usaha pembangunan dengan peruntukan RM7.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Saya dapat mesej daripada rakyat dan UMNO berasaskan respons mereka. Suatu yang nyata sekali juga ialah muafakat dalam UMNO jelas, teguh dan saya akan pastikan muafakat itu lebih elok," ujarnya.

Beliau menekankan betapa perlunya setiap gangguan yang merosakkan muafakat itu diketepikan dan sebarang masalah berbangkit sesama mereka seharusnya dibincangkan dan diselesaikan secara musyawarah.

"Kekuatan politik dan parti amat penting. Rakyat akan suka apabila kita memerintah dalam keadaan sihat, muafakat, kuat dan menjayakan segala perancangan.

"Apabila kita teguh dan kuat, rakyat akanyakin. Kalau tidak ada, kita akan lihat kemerosotan sokongan dan memberi prestasi dalam pilihan raya," katanya.

Menyentuh mengenai pelaksanaan RMK-9 katanya, ia akan dipastikan agar dapat dilakukan dengan baik dan sehubungan itu meminta para pegawai di peringkat negeri dan Pusat meningkatkan kerjasama.